

INTEGRITI TERHADAP SANAD AL-QURAN: SATU PENELITIAN

INTEGRITY OF THE QURANIC SANAD: AN ANALYSIS

Mohamad Redha Mohamad*

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban,
70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

Muhammad Firdaus Abdul Manaf

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia.

Muhammad Zaid Shamshul Kamar

Jabatan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS),
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: mohamadredha1990@gmail.com*

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Mohamad, M. R., Abdul Manaf, M. F. & Shamsul Kamar, M. Z. (2025). Integriti Terhadap Sanad Al-Quran: Satu Penelitian. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 116-126.

ABSTRAK

Masyarakat Islam arus perdana di Malaysia mulai didedahkan dengan amali periwayatan sanad talaqqī dalam konteks pengajian al-Quran. Kini, banyak pihak berlumba-lumba untuk mendapatkan sanad talaqqī al-Quran. Sistem ini merupakan tradisi yang dititikberatkan oleh para qurrā' dan mulai tersebar di Malaysia. Al-Quran diwariskan kepada setiap generasi melalui kaedah talaqqī secara mushāfahah. Ijazah sanad al-Quran yang masyhur di Malaysia adalah sanad talaqqī al-Quran 30 juzu' dan sanad talaqqī al-Fātihah. Namun, masyarakat Malaysia masih asing dan belum memahami secara mendalam berkenaan sanad talaqqī al-Quran. Situasi berlumba-lumba mendapatkan sanad talaqqī al-Quran telah menyebabkan sanad diijazahkan secara tasāhul iaitu bermudah-mudah. Keinginan memperoleh sanad al-

Quran mesti seiring dengan sikap integriti yang perlu dipatuhi. Justeru, kajian dilakukan untuk menganalisis berkaitan kriteria utama dalam menjaga integriti terhadap sanad al-Quran. Data-data kajian dikumpul secara analisis dokumen kepustakaan, manakala metode analisis data pula dilakukan secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima kriteria utama dalam menjaga integriti terhadap sanad al-Quran. Kriteria-kriteria tersebut adalah mengetahui asas ilmu sanad al-Quran, memiliki saksi ketika diijazahkan sanad al-Quran, mengetahui susur galur sanad yang diperolehi, bersifat adil dan *dābiṭ*, dan tidak bersikap *tasāhul* atau *shadīd*. Implikasi daripada dapatan kajian adalah mustahak untuk membimbing masyarakat membina kefahaman yang tepat terhadap pengijazahan sanad *talaqqī* al-Quran dan menjaga integriti.

Kata kunci: sanad; al-Quran; integriti; *talaqqī*, *qurrā'*

ABSTRACT

The mainstream Islamic community in Malaysia has begun to be introduced to the practice of sanad talaqqī transmission in the context of Quranic studies. Nowadays, many individuals are competing to obtain sanad talaqqī of the Quran. This system is a tradition emphasized by qurrā' (Quran reciters) and has started to spread throughout Malaysia. The Quran is passed down to each generation through the method of talaqqī with direct oral transmission (mushāfahah). The popular forms of Quranic sanad in Malaysia include the sanad talaqqī of the 30 juz' of the Quran and the sanad talaqqī of Surah al-Fātihah. However, many Malaysians are still unfamiliar with, and lack a deep understanding of, sanad talaqqī of the Quran. This competitive pursuit of Quranic sanad has led to some sanad being granted with excessive leniency (tasāhul), resulting in relaxed standards. The desire to acquire Quranic sanad must align with a commitment to uphold integrity. Therefore, this study was conducted to analyze the key criteria for maintaining the integrity of Quranic sanad. The research data were collected through library document analysis, while data analysis was performed descriptively. The findings reveal five main criteria for upholding the integrity of Quranic sanad: understanding the fundamentals of Quranic sanad, having witnesses present during the sanad granting process, knowing the lineage of the sanad obtained, embodying fairness and precision ('adālah and dābiṭ), and avoiding excessive leniency (tasāhul) or extreme strictness (shadīd). The implications of these findings underscore the importance of guiding society toward an accurate understanding of the granting of sanad talaqqī of the Quran and upholding its integrity.

Keywords: sanad; al-Quran; integriti; *talaqqī*, *qurrā'*

1.0 PENGENALAN

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Ia mengandungi penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia (Fadzil, 2018). Umat Islam mempelajari al-Quran dengan

bimbingan guru bagi memperoleh dan mendapatkan cara bacaan yang sahih. Umum mengetahui al-Quran diwariskan kepada setiap generasi dengan kaedah mengambil bacaan daripada guru iaitu *talaqqī* secara *mushāfahah* (A'Tarahim, Hisham & Shaifulbahri, 2009). Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran dari Jibril AS, para sahabat mengambil dari baginda, para tabiin mengambil dari sahabat dan begitulah seterusnya sehingga sampai bacaan al-Quran kepada generasi kita (Sa'ad, 2013).

Pengambilan sanad *talaqqī* al-Quran semakin dititikberatkan di Malaysia (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Ini berikutan beberapa faktor penting yang membawa kepada hasil positif apabila tradisi sanad sentiasa diamalkan. Antara program-program sanad al-Quran yang popular masa kini di Malaysia adalah sanad *talaqqī* surah al-Fātiḥah dan sanad *talaqqī* al-Quran 30 juzu'. Begitu juga penubuhan pusat pengajian dan institusi pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad di Malaysia sudah mula memberangsangkan (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Antara hadith yang menunjukkan kepentingan bertalaqqī al-Quran adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad (1995) seperti berikut:

عن عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ أَنَّهُ سَمِعَ رَجُلًا يَقْرَأُ آيَةً مِنَ الْقُرْآنِ فَقَالَ مَنْ أَقْرَأَكَهَا؟ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَقَدْ أَقْرَأَنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى غَيْرِ هَذَا فَذَهَبَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَحَدُهُمَا يَا رَسُولَ اللَّهِ آيَةُ كَذَا وَكَذَا ثُمَّ قَرَأَهَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَكَذَا أُنْزِلَتْ فَقَالَ الْآخَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَرَأَهَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَلَيْسَ هَكَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ هَكَذَا أُنْزِلَتْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ هَذَا الْقُرْآنُ أُنْزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ فَأَيُّ ذَلِكَ قَرَأْتُمْ فَقَدْ أَحْسَنْتُمْ وَلَا تَمَارَوْا فِيهِ فَإِنَّ الْمِرَاءَ فِيهِ كُفْرٌ أَوْ آيَةُ الْكُفْرِ .

Maksudnya: “Daripada Amru bin al-‘As RA: sesungguhnya dia mendengar seorang lelaki membaca sepotong ayat dari al-Quran, maka dia bertanya: siapa yang membacakan ayat ini kepada engkau? Maka dia menjawab: Rasulullah SAW, dia (Amru) berkata: sesungguhnya baginda membacakan ayat ini kepada aku dengan bacaan yang lain! Maka mereka berdua pergi bertemu dengan Rasulullah dan salah seorang dari mereka bertanya: wahai Rasulullah, ayat sekian sekian kemudian dia membacanya, baginda menjawab: begitulah ia diturunkan, maka berkata seorang lagi: wahai Rasulullah! Maka dibacanya ayat itu dan bertanya: bukankah begini wahai Rasulullah? Baginda menjawab: begitulah ia diturunkan. Maka baginda berkata: sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan sab'ah ahruf, maka yang mana saja kamu baca ia adalah sahih, dan jangan kamu ragu padanya, kerana keraguan

kepadanya akan menyebabkan kamu kafir atau pun ia adalah tanda-tanda kafir.” (Ahmad, no hadis 17821).

Berdasarkan hadith di atas, dua intipati utama yang boleh kita simpulkan adalah keprihatinan ulama terhadap sanad al-Quran dan sumber sanad al-Quran datangnya dari Rasulullah SAW (Sa'ad, 2013). Intipati yang pertama boleh dilihat melalui kata-kata sahabat iaitu (مَنْ أَقْرَأَ كَهَذَا؟) yang menunjukkan sahabat bertanya dari siapa bacaan al-Quran tersebut diambil. Ini membuktikan para sahabat mengambil berat dan prihatin terhadap jalur sanad sesuatu bacaan. Setiap bacaan al-Quran perlu diketahui dari mana asal jalur sanadnya bagi memastikan kesahihannya. Intipati yang kedua pula boleh diambil dan diterjemahkan dari jawapan sahabat iaitu (رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) yang bermaksud mereka menerima bacaan al-Quran tersebut dari Rasulullah SAW. Ini menunjukkan bahawa baginda adalah sumber sanad bacaan al-Quran. Setiap bacaan yang sahih pasti berasal dari baginda SAW. Kesemua ini juga merupakan bukti bahawa kemunculan ilmu sanad al-Quran telah pun bermula dari zaman Rasulullah SAW. Para sahabat mengambil sanad bacaan al-Quran dengan kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* daripada baginda. Kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* ini terus diamalkan pada setiap zaman oleh para *qurrā'* dan ahli-ahlinya sehingga ke masa kini.

2.0 SOROTAN LITERATUR

2.1 Definisi Sanad *Talaqqī* Al-Quran

Sanad secara bahasa berasal dari perkataan سَنَدٌ yang bermaksud menopang, menyandar atau menyangga (Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa, 2010). Dalam istilah ilmu *qirā'āt*, sanad diertikan sebagai rangkaian *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah SAW (Said & Adam, 2011). Dalam pengertian yang lebih khusus sanad atau *isnād* bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu *qirā'āt* (al-Jazarī, 2002). Manakala Sayyidī (2004) pula menyatakan sanad di sisi *qurrā'* adalah salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan, riwayat, *ṭarīq*, dan wajah daripada sumber utama.

Menurut Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa (2010), *talaqqī* التَّلَقِّي merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar لَقِيَ iaitu bertemu, bersemuka atau bertembung. Al-Zarqanī (2001) menyatakan *talaqqī* bermaksud pengambilan bacaan al-Quran daripada seorang yang dipercayai daripada guru yang dipercayai dan seorang imam daripada imam sehinggalah kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Majidī (2000) pula berpandangan *talaqqī* adalah satu metode pembelajaran lafaz-lafaz al-Quran di mana seorang guru akan membacakan sepotong ayat kepada murid, lalu murid tersebut akan membacakan semula ayat tersebut dengan cara

bacaan guru tadi. Zaidar (2014) menyatakan *talaqqī* daripada sudut istilah bermaksud mengambil atau belajar ilmu secara langsung di hadapan guru.

Oleh itu sekiranya dihubungkan, sanad *talaqqī* al-Quran membawa maksud salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru. Ada pun dalam konteks kajian ini, penulis bermaksud untuk meneliti sikap integriti terhadap pengamalan sanad *talaqqī* al-Quran.

2.1 Definisi Integriti

Menurut Kamus Dewan (2015), integriti bermaksud kejujuran, ketelusan dan kepatuhan. Setiap perkara yang ingin dilaksanakan, perlu memiliki integriti agar tidak berlaku kepincangan atau salah laku. Integriti penting dalam memastikan setiap perkara dalam dilaksanakan dengan jujur, telus dan amanah. Kajian ini akan menghubungkan integriti dengan pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad.

Pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad semakin masyhur di Malaysia. Banyak pusat-pusat pengajian telah menawarkan program ini kepada masyarakat awam. Syeikh-syeikh dari luar negara juga dijemput untuk mengajar di Malaysia sebagai daya tarikan pengajian bersanad. Oleh itu, bagi menjamin integriti iaitu kejujuran, ketelusan dan kepatuhan dalam proses pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad ini, penulis akan membincangkan beberapa kriteria yang perlu dipatuhi berdasarkan kalam-kalam ulama.

3.0 TUNTUTAN *TALAQQI* AL-QURAN BERSANAD

Tradisi pengambilan sanad *talaqqī* al-Quran perlu diteruskan kerana wujudnya beberapa kepentingan. Kepentingan utama pengambilan sanad adalah kerana ianya merupakan sunnah Rasulullah SAW. Baginda membaca al-Quran dengan Jibril AS secara bertalaqqī dan mengulangnya pada bulan Ramadhan setiap tahun. Hal ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA katanya:

كَانَ يَغْرِضُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ كُلَّ عَامٍ مَرَّةً، فَعَرَضَ عَلَيْهِ
مَرَّتَيْنِ فِي الْعَامِ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ.

Maksudnya: “Telah dibacakan (Jibril) al-Quran ke atas Nabi SAW sekali pada setiap tahun, dan dibacakan (Jibril) al-Quran ke atas Nabi SAW sebanyak dua kali pada tahun kewafatan baginda.” (al-Bukhārī, *Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān*, Bāb Kāna Jibrīl ya'riḍ al-Qur'ān 'alā al-Nabī..., Nombor hadis 4998).

Hadis di atas menerangkan kaedah bagaimana Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran daripada Jibril AS. Al-'Asqalānī (2013) menjelaskan perkataan *يَغْرِضُ* dalam hadis tersebut bermaksud Jibril bertemu dengan baginda untuk membacakan al-Quran, dan baginda akan mendengarnya. Kemudian baginda pula

akan membaca al-Quran dan Jibril mendengarnya. Hadis ini adalah asas dan dalil bahawa al-Quran perlu dipelajari secara berguru bagi memastikan kesahihan pembacaannya. Guru yang berkeahlian dan berkemahiran adalah sebagai penjamin kesahihan setiap bacaan muridnya. Kaedah yang sama juga turut diterapkan oleh para sahabat dan tabiin (Sa'ad, 2013).

Setiap surah dan ayat al-Quran disampaikan oleh Jibril kepada baginda menerusi kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* iaitu Jibril membaca ayat al-Quran dan diikuti oleh baginda, seterusnya dihafaz ayat-ayat tersebut oleh baginda. Bermula dari surah al-'Alaq hinggalah kepada ayat yang terakhir, kaedah ini berterusan digunakan turun-temurun untuk mewariskan al-Quran sehingga ke hari ini (Hazim, 2012). Daripada baginda kepada para sahabat, kemudian diwariskan kepada tabiin dan sehinggalah sampai kepada kita ayat-ayat al-Quran, yang mana semua ini membuktikan kesinambungan sanad al-Quran yang terjaga rapi oleh para guru al-Quran. Baginda sentiasa memperdengarkan ayat-ayat al-Quran kepada para sahabat sama ada ketika berkhutbah, berdakwah, mengeluarkan fatwa, solat berjemaah dan sebagainya (Abd Ghani, 2009). Hal ini sekaligus menunjukkan pengambilan sanad al-Quran adalah merupakan sunnah Rasulullah SAW yang perlu dijaga dan diamalkan secara berterusan. Firman Allah SWT dalam surah al-Qiyāmah ayat 16 hingga 18:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۖ ۱٦ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ ۚ وَقُرْآنَهُ ۚ ۱٧ فَإِذَا قَرَأَهُ فَاتَّبِعْ
قُرْآنَهُ ۚ ۱٨

Maksudnya: “*Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendak cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu, menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.*”

Berdasarkan surah al-Qiyāmah ayat 16 hingga 18 di atas, Qutb (2018) menyatakan Rasulullah SAW memberi sepenuh perhatian kepada wahyu yang turun dan amat bimbang akan terlupa ayat-ayat al-Quran tersebut. Inilah yang mendorong baginda untuk mengikuti bacaan Malaikat Jibril AS ayat demi ayat dan perkataan demi perkataan agar baginda benar-benar yakin telah mengingat kesemuanya. Begitu juga al-Nasafi (2011) menyatakan ayat 18 bermaksud Jibril membaca al-Quran kepada baginda, maka baginda mengambil bacaan tersebut sebagaimana yang dibacakan Jibril. Baginda bertalaqqī dan mengambil bacaan al-Quran daripada Malaikat Jibril AS dengan sepenuh perhatian dan fokus. Ayat ini menjelaskan konsep *talaqqī* secara *mushāfahah* yang betul, iaitu Rasulullah SAW perlu mendengar terlebih dahulu sehingga Jibril AS selesai membaca, kemudian barulah baginda mengikuti bacaan Jibril AS. Ayat ini menegur baginda SAW agar tidak membaca sebelum Jibril AS selesai membaca.

Ayat al-Quran ini jelas menunjukkan proses pembelajaran al-Quran yang sahih adalah secara berguru dan perlu dipelajari dengan sepenuh perhatian dan fokus. Menurut Redha, Zaidar & Alias (2020), terdapat lima faktor utama relevansi pewarisan sanad *talaqqī* al-Quran iaitu sunnah Rasulullah SAW, kesahihan bacaan, kebanggaan penuntut ilmu, kelangsungan sanad *'ālī* dan bimbingan yang berterusan. Kesemua ini jelas menunjukkan pengamalan *talaqqī* al-Quran secara bersanad adalah sangat dituntut dan perlu dimasyhurkan di Malaysia.

4.0 INTEGRITI TERHADAP SANAD AL-QURAN

Melalui kajian dan pengalaman penulis, terdapat lima kriteria utama yang perlu dipatuhi dalam pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad iaitu:

- i. Mengetahui asas ilmu sanad al-Quran
- ii. Memiliki saksi ketika diijazahkan sanad al-Quran
- iii. Mengetahui susur galur sanad yang diperolehi
- iv. Bersifat adil dan *dābiṭ*
- v. Tidak bersikap *tasāhul* atau *shadīd*

Bagi setiap pemilik dan pengamal sanad al-Quran, mestilah memiliki dan mengetahui sekurang-kurangnya asas terhadap ilmu sanad al-Quran. Hal ini supaya tidak berlaku kesilapan atau kesalahan ketika pemilik sanad al-Quran ingin berbicara atau mengijazahkan sanad al-Quran kepada individu lain. Sesuatu perkara tidak harus dilakukan dan diamalkan tanpa ilmu, lebih-lebih lagi berkaitan dengan kitab suci al-Quran. Kriteria ini disokong dengan kritikan oleh Imam Ibn al-Jazarī (2006) yang berkata "*Dan kebanyakan qurrā' tiada pengetahuan tentang sanad, maka terhasillah ketidakpastian.*" Begitu juga kalam Imam al-Dhahabī (1995) yang menyatakan: "*Dan ada pun qurrā', mereka tidak mengetahui perkara ini, yakni sanad.*"

4.1 Memiliki Saksi Ketika Diijazahkan Sanad Al-Quran

Satu perkara utama yang perlu diambil perhatian adalah penyaksian semasa proses pengijazahan sanad al-Quran berlangsung. Kehadiran saksi boleh mengelakkan sangkaan buruk dan syak wasangka pihak lain. Tambahan pula, penyaksian pengijazahan sanad al-Quran telah menjadi kebiasaan dan adat dalam kalangan *qurrā' salaf* dan *khalaf* (Ayman Suwayd, 2018). Hal ini didasari oleh kata-kata Imam Ibn al-Jazarī (t.t.) seperti berikut:

وَأَمَّا مَا جَرَتْ بِهِ الْعَادَةُ مِنَ الْإِشْهَادِ عَلَى الشَّيْخِ بِالْإِجَازَةِ وَالْقِرَاءَةِ فَحَسَنٌ
يُدْفَعُ التَّهْمَةُ وَيَسْكُنُ الْقَلْبُ وَأَمْرُ الشَّهَادَةِ يَتَعَلَّقُ بِالْقَارِئِ يَشْهَدُ عَلَى الشَّيْخِ
مَنْ يَخْتَارُ وَالْأَحْسَنُ أَنْ يَشْهَدَ أَقْرَانُهُ النُّجَبَاءُ مِنَ الْقُرَّاءِ الْمُنْتَهِينَ لِأَنَّهُ أَنْفَعُ لَهُ
حَالٌ كِبَرُهُ.

Maksudnya: “Dan ada pun antara yang telah menjadi adat kebiasaan (pada zaman ini) iaitu penyaksian ke atas ijazah seorang guru kepada pelajarnya dengan ijazah (sanad) dan (keizinan) bacaan, maka ia adalah perkara yang baik. Ia dapat mengelakkan tohmahan dan menenangkan hati. Dan penyaksian ini adalah tanggungjawab seorang *qārī*, dia hendaklah memilih orang yang menjadi saksinya. Sebaik-baik pilihan adalah rakan seperguruannya dari kalangan *qurrā'* yang telah selesai menamatkan bacaan, kerana ia akan memberi manfaat kepada pelajar tersebut di waktu tuanya”.

4.2 Mengetahui Susur Galur Sanad Yang Diperolehi

Seorang pelajar yang ingin memperolehi sanad al-Quran perlu mengetahui susur galur sanad syeikhnya. Adalah lebih baik sekiranya pelajar yang menerima sanad al-Quran mendengar bacaan dan penerangan susur galur sanad dari syeikhnya setelah selesai menamatkan bacaan al-Quran. Sanad yang tidak diambil dari guru bermaksud sanad yang terputus, dan sanad yang terputus merupakan sanad yang *da'if* (lemah). Kenyataan ini disokong oleh kata-kata Ibn al-Jazārī (t.t.) yang bermaksud:

وَلَا بُدَّ مِنْ سَمَاعِ الْأَسَانِيدِ عَلَى الشَّيْخِ وَالْأَعْلَى أَنْ يَحْدُثَ الشَّيْخُ بِهَا لَفْظَهُ، فَأَمَّا
مَنْ لَمْ يَسْمَعْ الْأَسَانِيدَ عَلَى شَيْخِهِ فَأَسَانِيدُهُ مِنْ طَرِيقَةٍ مُنْقَطِعَةٍ.

Maksudnya: “Dan menjadi kemestian murid mendengar jalur sanad dari syeikhnya (gurunya), dan yang terbaik adalah gurunya menerangkan lafaz sanad tersebut. Dan ada pun sesiapa yang tidak mendengar jalur sanad dari gurunya, maka sanadnya tergolong dalam jenis sanad yang terputus”.

4.3 Bersifat Adil dan *Ḍābiṭ*

Kredibiliti seseorang *rijāl* al-Quran dilihat dari sudut memiliki sifat adil dan juga *Ḍābiṭ*. Adil bermaksud seseorang individu berterusan dalam menjaga agama dan maruahnyanya. Manakala, individu yang *Ḍābiṭ* adalah individu yang kuat hafazannya tentang apa yang didengarinya dan mampu menyampaikan hafazannya itu apabila dikehendakinya. Kedua-dua sifat ini penting bagi seorang *rijāl* al-Quran yang ingin memiliki dan menyebarkan sanad al-Quran bagi menjaga ketinggian dan kesucian kitab suci ini. Sebagai contoh, Imam al-Dhahabī (1995) sangat mengambil berat tentang perkara ini dalam kitab beliau seperti berikut:

- i. Ketika memperkenalkan Yūsuf bin al-Mubārak bin Muḥammad bin Abī Shaibah, Abī al-Qāsim al-Baghdādī al-Khayyāt: “Beliau mendakwa telah membaca (al-Quran) kepada Abī Ṭāhir bin Siwār dan diketahui hal itu adalah penipuan (tidak benar)”.

- ii. Ketika memperkenalkan Khalaf bin Ghāshan, Abī Sa‘īd al-Ṭai al-Qurtubī: “Beliau seorang guru yang amanah, tetapi tidak dābiṭ, dan beliau seorang yang baik lagi berkelebihan”.

4.4 Tidak Bersikap *Tasāhul* atau *Shadīd*

Tasāhul bermaksud bermudah-mudah memberikan sanad al-Quran dengan pembacaan yang cepat dan tidak tekun. Manakala *shadīd* pula adalah sikap seorang guru yang menyusahkan pelajarinya berlebih-lebihan ketika dalam proses pengijazahan sanad al-Quran. Kedua-dua sikap ini perlu dielakkan, kerana sebaik-baik perkara adalah pertengahan. Oleh itu, Dr. Ayman Suwayd (2018) menasihatkan supaya tidak mengambil sanad al-Quran dengan cepat dalam waktu yang singkat, walaupun dengan alasan murid itu dalam permusafiran. Hal ini kerana pengkhataman al-Quran dalam waktu yang singkat tidak mampu untuk menerangkan hukum-hakam ayat-ayat al-Quran yang penting.

Imam al-Dhahabī (1995) juga pernah menyebutkan perkara ini ketika memperkenalkan Muḥammad bin Aḥmad bin Mas‘ūd, Abī ‘Abd Allah al-Azdī al-Shāṭibī: “Telah berkata al-Abbār: *Aku tidak mengambil (bacaan) dari beliau kerana sifat tasāmuh beliau dalam pembacaan dan pendengaran (al-Quran)*”.

5.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Melalui kajian ini, penulis berjaya meneliti lima kriteria utama bagi seorang pemilik dan pengamal sanad *talaqqī* al-Quran. Dapatan analisis kajian diterjemahkan ke dalam rajah berikut:



Rajah 1: Kriteria-Kriteria Integriti Terhadap Sanad Al-Quran

Rajah 1 menunjukkan kriteria-kriteria yang perlu dipatuhi oleh setiap pemilik dan pengamal sanad *talaqqī* al-Quran. Sekiranya kelima-lima kriteria ini dipatuhi, integriti terhadap sanad al-Quran dapat dijaga, sekaligus meningkatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap pengajian *talaqqī* al-Quran secara bersanad.

6.0 KESIMPULAN

Ijazah sanad al-Quran merupakan pengiktirafan tertinggi bagi bacaan al-Quran seseorang. Hal ini kerana proses yang perlu dilalui bagi memperolehi sanad al-Quran bukanlah sesuatu yang mudah dan cepat. Walau bagaimanapun, keinginan memperolehi sanad al-Quran perlu seiring dengan sikap integriti yang perlu dipatuhi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima kriteria utama dalam menjaga integriti terhadap sanad al-Quran. Kriteria-kriteria tersebut adalah mengetahui asas ilmu sanad al-Quran, memiliki saksi ketika diijazahkan sanad al-Quran, mengetahui susur galur sanad yang diperolehi, bersifat adil dan *dābiṭ*, dan tidak bersikap *tasāhul* atau *shadīd*. Implikasi daripada dapatan kajian adalah mustahak untuk membimbing pemilik dan pengamal sanad *talaqqī* al-Quran dalam menyebarkan sanad al-Quran di atas muka bumi ini. Masyarakat juga dapat membina keyakinan dan kepercayaan terhadap sistem pengijazahan sanad *talaqqī* al-Quran. Masyarakat awam perlu diperkenalkan kepada amalan *talaqqī* al-Quran secara bersanad agar dalam melahirkan ramai individu yang mampu membaca al-Quran dengan lancar dan fasih.

Sumbangan Pengarang

Mohamad, M. R., Pencarian dan penulisan data mengenai sanad *talaqqī* al-Quran daripada kitab-kitab dan artikel-artikel ilmiah. Abdul Manaf, M. F., Pengesahan dan semakan terhadap data yang disusun mengenai sanad *talaqqī* al-Quran. Menyumbang terhadap terjemahan hadis dan kata-kata ulama. Shamshul Kamar, M. Z., Penyusunan dan semakan terhadap data yang disusun mengenai sanad *talaqqī* al-Quran. Menyumbang terhadap semakan hadis dan *takhrijnya*.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- al-‘Asqalānī, I. H. (2013). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Dar al-Risāla al-‘Alamīyya.
- Abd Ghani, A. R. (2009). *Pemeliharaan Al-Quran: Kajian di Unit Kawalan Teks al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Malaysia.
- Ayman Suwayd. (2018). *Talaqqī al-Qur’ān al-Karīm ‘Abr al-‘Uṣūr*. Dār al-Ghauthānī li al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah.
- Alias, N., Mohamad, K. A. & Ahmad, A. M. (2015). Fenomena Talaqqi Al-Quran Bersanad Riwayat Hafs ‘An ‘Asim Menurut Tariq Al-Syatibiyyah: Sumbangannya Dalam Perkembangan Pengajian Al-Quran Di Malaysia. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa* (pp. 169-184). FPQS, USIM.

- A'Tarahim, M., Hisham, A., & Shaifulbahri, M., (2009). Perkembangan Awal Ilmu Qiraat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 2, 69-79.
- al-Dhahabī. (1995). *Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār 'alā Ṭabaqāt wa al-A 'šār*. Markaz al-Buḥūth al-Islāmiyyah.
- al-Jazārī, I. (2002). *Ṭayyiba al-Nashr fī Qirā'āt al-'Ashr*. Kaherah: Maktabat al-Sunna.
- al-Jazārī, I. (2006). *Ghāyah al-Nihāyah fī Ṭabaqāt al-Qurrā'*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Jazārī, I. (t.t.). Munjid al-Muqri'in wa Murshid al-Ṭālibīn. Maktabah al-Quds.
- al-Majidī. (2000). *Talaqqī al-Nabī SAW Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Muassasa al-Risāla.
- al-Nasafī. (2011). *Madārik al-Tanzīl wa Haqāiq al-Ta'wīl*. Beirut: Dar Ibn Kathīr.
- al-Zarqanī. (2001). *Manāḥil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Fadzil, A. (2018). *The Amazing Al-Quran*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Hazim, W. M. (2012). *Al-Quran dan Talaqqi Mushafahah*. Kuala Terengganu: Makalah Dakwah Masjid Abidin.
- Kamus Dewan. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qutb, S. (2008). *Fī Ṣilal al-Qur'ān*. Mesir: Dar al-Shuruq.
- Redha, M., Zaidar, F. & Alias, N. (2020). Relevansi Pewarisan Sanad Talaqqi Al-Quran. *Jurnal al-Turath*. 5(1).
<http://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/108>
- Sa'ad, A. (2013). *Asānīd al-Qirā'āt wa Manhaj al-Qurra' fī Dirāsatiḥā*. Riyad: Maktaba al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah.
- Said, K. & Adam, J. (2011). Corak Tariq Sanad Pengajian Al-Quran Di Negeri Pahang. *International Journal on Quranic Research*, 1(1).
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/5283/3078>
- Sayyidi, M. (2004). *Al-Isnād 'inda 'Ulamā' al-Qirā'āt*. Madinah al-Munawwarah: Majalla al-Jāmi'a al-Islāmiyya.
- Zaidar, F. (2014). *Faktor-faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) Dan Keperluannya Dalam Pengajian Hadis Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainuddin, K., Zainuddin, N. & Mohd Isa, M. F. (2010). *Kamus Pelajar*. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media Enterprise.